

REAGAN-MAHATHIR R'R'R'  
(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN

1984  
WASHINGTON, 19 JAN (BERNAMA) -- PRESIDEN RONALD REAGAN DARI AMERIKA SYARIKAT MEMUJI MALAYSIA KERANA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMELIHARA KEAMANAN DAN KESTABILAN DI RANTAU ASIA TENGGARA. BELIAU BERKATA MALAYSIA PATUT DIHORMATI OLEH DUNIA KERANA USAHA BERTERUSANNYA MEMBANTU ORANG PELARIAN YANG MELARIKAN DIRI DARIPADA PENINDASAN KOMUNIS.

AMERIKA SYARIKAT, KATANYA MENYANJUNGI KEAZAMAN ASEAN DALAM ZAMAN YANG PENUH KEPINCANGAN SEKARANG.

DEMIKIAN SEMASA MENGUCAPKAN SELAMAT BERPISAH KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SELEPAS MEREKA BERUNDING SELAMA DUA JAM DI RUMAH PUTIH DI SINI SEMALAM.

PRESIDEN REAGAN MENSIFATKAN EKONOMI KUKUH MALAYSIA YANG DIASASKAN OLEH KEMAJUAN SOSIAL YANG SEIMBANG DAN AMALAN DEMOKRATIK YANG SIHAT SEBAGAI SATU INSPIRASI KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.  
--LAGI 1708/AN

REAGAN-MAHATHIR 2 WASHINGTON R'R'R'

SEMASA PERBINCANGAN BELIAU BERKATA MEREKA BERSEPENDIRIAN MENGENAI BANYAK ISU ANTARABANGSA DAN DUA HALA.

+KAMI BERDUA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PEMULIHAN EKONOMI DUNIA DAN BLR PENDAPAT SISTEM PERDAGANGAN DAN PELABURAN ANTARABANGSA YANG LEBIH TERBUKA PERLU DIWUJUDKAN, KATANYA.

WALAUPIUN MEREKA MEMPUNYAI PANDANGAN BERLAINAN MENGENAI BEBERAPA ASPEK TERTENTU TENTANG KEADAAN DI ASIA BARAT, NAMUN KEDUA-DUA PEMIMPIN MAHU SUPAYA PENYELESAIAN DICAPAI KEPADA SENGKETA YANG TELAH MELANDA KAWASAN ITU SEJAK BEGITU LAMA.

PRESIDEN REAGAN BERKATA SELEPAS PERTEMUANNYA DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR BELIAU YAKIN PERTALIAN YANG KUAT DAN MESRA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA AKAN BERTAMBAH KUKUH DAN PELUANG UNTUK HUBUNGAN ANTARA RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA DI PERINGKAT RASMI DAN SWASTA AKAN JUGA MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENGANGGAP TANDA-TANDA POSITIF PEMULIHAN EKONOMI DI AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI BESAR BERTINYA DALAM MENJAMIN EKONOMI YANG SIHAT.  
--LAGI 1710/AN

ZCZC 8612

REAGAN-MAHATHIR 3 WASHINGTON R'R'R'

+BILA EKONOMI AMERIKA SYARIKAT BERTAMBAH SIHAT DAN KEMBANG, BUKAN SAHAJA AMERIKA SENDIRI DAN MALAYSIA YANG BERUNTUNG TETAPI JUGA SELURUH DUNIA MEMBANGUN, KATANYA.

MENGENAI HUBUNGAN BAIK YANG DINIKMATI OLEH KEDUA-DUA NEGARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELAU GEMBIRA AMERIKA SYARIKAT MENUNJUKKAN KESANGGUPAN UNTUK MENCAPAI PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA YANG JELAS, SEPERTI PERSIDANGAN BEKARANG ANTARA PARA PEGAWAI MALAYSIA DENGAN AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT MENGAKUI HAKIKAT BAHAWA DEMI KEAMANAN DAN KESTABILAN DUNIA, ADALAH PENTING BAGI NEGARA-NEGARA MAJU DAN MEMBANGUN SUPAYA MENCAPAI KEMAJUAN ATAS ISU-ISU EKONOMI UTAMA ITU.

MALAYSIA, KATANYA TIDAK MEMINTA SEDEKAH DALAM USAHANYA MENJAMIN MUTU HIDUP YANG LEBIH BAIK BAGI RAKYATNYA DAN ATAS BANYAK ISU YANG TELAH DIBINCANGKAN, BANTUAN MEMAINKAN PERANAN YANG KECIL SAHAJA.

+APA YANG KAMI CARI IALAH BIDANG-BIDANG BARU KERJASAMA TERUTAMA DALAM EKONOMI DAN PERDAGANGAN BAGI MEMBANTU KAMI MEMENUH HASRAT SUPAYA LEBIH BERDIKARI DAN MAJU, KATANYA.

--BERNAMA 1715/AN